



JABATAN PELAJARAN JOHOR,
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80604 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM

Pengarah : 07-2361787
Pejabat Am : 07-2361633
: 07-2332200
No. Fax : 07-2385789
: 07-2378319
Peperiksaan : 07-2361979
No. Fax : 07-2369084
e_mail : jpnjohor@joh.moe.gov.my



Rujukan :
Ruj kami : BTPN(JOH)8871/13()
Tarikh : 2 Januari 2012

Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah
Negeri Johor

Tuan,

PELAKSANAAN ANUGERAH NILAM DAERAH 2012

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan Anugerah NILAM Daerah 2012 akan diteruskan pada tahun ini. Tujuan anugerah ini diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada murid-murid yang telah berjaya menyertai Program NILAM sepenuhnya mengikut kriteria-kriteria dan peraturan yang ditetapkan.

3. Untuk makluman tuan, Anugerah NILAM Negeri 2012 akan diadakan pada 22 – 24 Februari 2012 bertempat di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor. Pertandingan ini dibahagikan kepada 4 kategori (SM Bandar, SM Luar Bandar, SR Bandar dan SR Luar Bandar). Johan setiap kategori akan mewakili daerah ke peringkat negeri.

4. Bagi tujuan pencalonan ke Anugerah NILAM Negeri, pihak tuan diminta mengambil langkah-langkah berikut:

- 4.1 Menjalankan proses pemilihan Anugerah NILAM di peringkat daerah
- 4.2 Menjalankan kaedah penilaian secara individu dan berkumpulan.
- 4.3 Memastikan calon sekolah rendah terdiri dari murid Tahun 6 yang membaca 360 buah buku ke atas dan calon sekolah menengah terdiri dari murid Tingkatan 5 yang membaca 288 buah buku ke atas (Tahap Jauhari NILAM)
- 4.4 Jumlah bacaan calon dibuktikan dengan rekod bacaan yang disahkan oleh sekolah
- 4.5 Calon telah mencapai markah minima 50 dalam Tahap Rakan Pembaca
- 4.6 Pencapaian akademik calon perlu cemerlang berdasarkan keputusan di buku rekod prestasi selaras dengan pencapaian calon dalam bidang bacaan.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(MOHD NOR BIN GHANI)
Pengarah Pelajaran Johor

Negeri Johor	
	PP
PKKw	Tindakan
MM	Makluman
ICT	Unggahrayan
PKG	Dipersetujui
ICT	Sila hadir/wakil
ase	Sila berbincang
alkan	Sila uruskan

Handwritten notes: "Saya", "pjsk ke awal PPD dan PKAT", "Tangan: [Signature]"

- s.k. 1. Ketua Sektor Pengurusan Akademik JPN Johor
2. Ketua Sektor Pengurusan Literasi Teknologi Pendidikan BTP, KPM
3. KPP Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor